

# RISALAH USIM

The News Bulletin Of Universiti Sains Islam Malaysia

[www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)



Issue no: 16



## Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokensi Ke-9 USIM

### USIM Lahir

Graduan Sulung Perubatan - ms 6

### FKP Optimis

Lahirkan Graduan "Multi-Tasking" - ms 9

### Manfaatkan Teknologi Maklumat Dalam Pengajian

Berteraskan Al-Quran & Sunnah - ms 11

### IHRAM Optimis Perjuangkan Isu Halal & Haram - ms 18

### Permata Insan

Menjana Cendikiawan Islam - ms 22

### Sistem Pengurusan Islam

Perlu Standard Yang Sesuai - ms 25



CERTIFIED TO ISO 9001 - 2008 CERT. NO: AR 3454

MS ISO 9001:2008  
GS 02121999 CB 01

## Sidang Redaksi **RISALAH USIM**

### **Penaung**

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda  
Naib Canselor

### **Penasihat**

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah  
Timbalan Naib Canselor HEP & Alumni

Y.Bhg. Prof. Dr. Musa Ahmad  
Timbalan Naib Canselor Akademik &  
Antarabangsa

Y.Bhg. Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah  
Dekan Penyelidikan dan Inovasi

Y.Brs. En. Muhammad Haizuan Rozali  
Pendaftar

### **Ketua Pengarang**

Puan Suhaili A.Jalil  
Ketua Bahagian  
Bahagian Komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Antarabangsa

### **Penolong Ketua Pengarang**

En. Khairul Azizi Elias  
Penolong Pendaftar  
Bahagian Komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Antarabangsa

### **Sidang Pengarang**

Prof. Madya Dr. Rosni Samah  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

En. Hisham Taky Eldin Kandil  
Pensyarah  
Pusat Pengajian Teras

Pn. Norhana Abdullah  
Pensyarah  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Cik Noor Adibah Mohamad  
Pegawai Penerbitan  
Bahagian Penerbitan

**Konsep & Rekabentuk**  
En. Mohd Saiful Abdul Samad  
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan  
Bahagian Komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Antarabangsa

Cik Wahida Abbas  
Perekat Grafik  
Bahagian Komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Antarabangsa

En. Shahreza Mohameddin  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
Bahagian Komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Antarabangsa

**Fotografi**  
En. Kamarull Syamzari Kamaruddin  
En. Mohd Yusrizal Mohd Yunus

**Rekabentuk & Dicetak**  
Intergrated Media Sdn Bhd



## **Pena Dari Ketua Pengarang**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.*

*Terlebih dahulu, terima kasih di atas peluang untuk memberikan kata alu-aluan bagi Risalah USIM untuk keluaran ke-16 ini. Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT dan limpah kurniaNya, Risalah USIM edisi yang ke-16 telah berjaya diterbitkan. Tahniah kepada sidang editorial Risalah USIM ke-16 di atas kejayaan ini.*

*Sesungguhnya Risalah USIM keluaran ini adalah lebih istimewa kerana ianya melakarkan pengenalan ringkas tentang Tuanku Canselor USIM yang kedua iaitu Duli Yang Maha Mulia Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud. Edisi ke-16 ini juga lebih bermakna kerana ianya memuatkan berita-berita tentang kejayaan yang dicapai oleh warga USIM terutamanya dari kalangan mahasiswa serta sejarah penting yang dilakarkan oleh USIM pada tahun ini. Antaranya adalah liputan berkenaan graduan sulung Sarjana Perubatan dan Surgeri yang akan bergraduat pada 2011. Pelbagai sisipan lain yang tidak kurang menarik dan pentingnya merangkumi penganjuran aktiviti mahasiswa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, pengiktirafan Universiti terhadap kakitangan dan cendikiawan USIM serta pelbagai program pembudayaan kecemerlangan yang giat dijalankan sepanjang tahun. Untuk makluman para pembaca, 2011 merupakan tahun di mana USIM mencipta nama dan menjulang piala samada di arena kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang dan acara. Oleh itu, wajarlah rentetan sejarah ini dimaktubkan untuk tatapan umum dan warga USIM bagi menyuntik semangat untuk memajukan USIM. Semoga perkongsian berita-berita ini akan membawa kepada kejayaan demi kejayaan yang terus dicapai oleh mahasiswa dan kakitangan USIM di masa akan datang.*

*Selaras dengan misi USIM yang bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam, Risalah USIM ke-16 juga memuatkan artikel tentang penggunaan teknologi dalam sains Islam serta sisipan yang membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat Islam.*

*Akhir kata, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan risalah ini. Kepada para pembaca, semoga anda mendapat manfaat dari Risalah USIM ke-16 dan terima kasih juga di atas sokongan yang diberikan.*

*Sekian, selamat membaca.*

**Suhaili A. Jalil**  
Ketua Pengarang

# Perutusan Naib Canselor

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi lafaz syukur dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta rahmat dari-Nya, penerbitan Risalah USIM Bil.16 2011 dapat direalisasikan.

Pertamanya, warga USIM menyaksikan lakaran sejarah tercipta pada Majlis Konvokesyen Kesembilan Tahun 2011 ini dengan berlangsungnya Istiadat Pemasyhuran Canselor yang baharu sebagai Canselor Kedua USIM. Di kesempatan ini, USIM ingin menzahirkan setinggi-tinggi junjungan kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud yang mencemar duli untuk menerima pelantikan tersebut.

Konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 1,196 orang graduan berjaya dianugerahkan ijazah dalam bidang masing-masing di pelbagai peringkat pengajian dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan USIM yang telah berjaya. Diharapkan agar para graduan sekalian tidak cepat berpuas hati dengan ilmu yang diperolehi di bumi USIM. Teruskan perjuangan menimba ilmu ke peringkat yang lebih tinggi agar dapat menjadi warga yang berbakti kepada masyarakat, negara dan agama.

Dalam perkembangan lain, Majlis Konvokesyen Kesembilan kali ini juga menjadi saksi lahirnya kumpulan graduan pertama daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) yang melengkapkan pengajian bagi Program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri (MBBS), selain graduan dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama yang telah menamatkan Program Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) Dengan Kepujian. Selain itu, USIM juga turut berbangga untuk mengiktiraf dan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada bekas Ketua Hakim Negara iaitu Y.A.Bhg.Tun Abdul Hamid bin Haji Mohamad pada majlis konvokesyen kali ini. Justeru, syabas dan tahniah diucapkan kepada para graduan serta kepada penerima-penerima anugerah pada kali ini.

Semoga helaian berinformasi ini mampu menjana anjakan kreatif dan menjadi suntikan semangat kepada warga USIM untuk terus bertekad terbilang.

Sekian, terima kasih.

**BERILMU • BERDISIPLIN • BERTAKWA**

Salam hormat,

*Muhammad Muda*

**PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA**

Naib Canselor

Universiti Sains Islam Malaysia





DULI YANG MAHA MULIA TUNKU AMPUAN BESAR NEGERI SEMBILAN  
TUANKU AISHAH ROHANI BINTI ALMARHUM TENGKU BESAR MAHMUD  
DK (NS), DPTJ  
TUANKU CANSELOR

## BIODATA TUANKU CANSELOR

### Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud

Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud telah diputerakan pada 19 Jun 1952 bersamaan 26 Ramadhan 1371H di Batu Gajah, Perak dan merupakan anakanda ketiga kepada Yang Amat Mulia Tengku Seri Utama Raja Tengku Besar Mahmud ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III dan To' Puan Hajjah Zainun binti Hj. Su Mahmud. Baginda telah menerima pendidikan awal di beberapa buah institusi di antaranya Sekolah Rendah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu, Sekolah Convent Taiping dan Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur.

Ke Bawah Duli Tuanku selamat diijabkabulkan dengan Yang Amat Mulia Tunku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, yang pada waktu itu merupakan Tunku Besar Seri Menanti dan kini Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 25 April 1974. Ke Bawah Duli Tuanku berdua dikurniakan tiga orang putera iaitu Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin (diputerakan pada 26 April 1977), Yang Amat Mulia Tunku Zain Al-Abidin (diputerakan pada 6 Julai 1982) dan Yang Amat Mulia Tunku Alif Hussein Saifuddin AlAmin (diputerakan pada 3 September 1984). Ke Bawah Duli Tuanku telah ditabalkan sebagai Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan pada 14 April 2009 atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir di Istana Besar Seri Menanti. Baginda telah dikurniakan Darjah Kerabat Negeri Sembilan

Yang Amat Dihormati, D.K.(N.S) pada 21 April 2009 dan Darjah Dato'Paduka Tuanku Jaafar (D.P.T.J.) pada tahun 1996.

Ke Bawah Duli Tuanku juga begitu menyenangi dan menyayangi kanak-kanak. Baginda pernah ke Amerika Syarikat untuk mengikuti kursus penjagaan kanak-kanak istimewa khususnya dalam bidang perkembangan minda kanak-kanak yang dianjurkan oleh "Institute For The Achievement of Human Potential", Pennsylvania. Dengan pengetahuan yang mendalam dalam bidang ini, Baginda Tuanku dapat memberi asuhan yang sempurna kepada Anakanda Baginda yang bongsu, Yang Amat Mulia Tunku Alif Hussein Saifuddin AlAmin di samping, sering memberi nasihat dan tunjuk ajar serta pertolongan kepada mereka yang memerlukan.

Kehidupan Ke Bawah Duli Tuanku sebagai Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan tidak membatasi pergerakan Baginda Tuanku dalam menjalin hubungan dengan rakyat menerusi aktiviti-aktiviti amal dalam konteks kemasyarakatan dan kemanusiaan. Baginda sering mencemar duli mengunjungi dan menyampaikan sumbangan untuk rumah-rumah kebajikan dan hospital. Baginda juga merupakan Penaung DiRaja bagi Inner Wheel Club of Kuala Lumpur serta Persatuan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Negeri Sembilan. Sukan golf menjadi sukan kegemaran kepada Ke Bawah Duli Tuanku bagi aktiviti riadah Baginda. Selain itu, Baginda Tuanku juga turut mengisi masa lapang dengan aktiviti membaca.

# USIM Lahir Graduan Sulung Perubatan

Oleh: Prof. Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Bin Nik Ismail



Bermula pada 1 Jun 2004 , Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK) tertubuh sebagai fakulti ke-6 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pada tarikh tersebut Dekan Pengasas melapor diri dan 29 orang pelajar memulakan pengajian asas di pusat asasi Tamhidi . Kumpulan pelajar ini merupakan calon pilihan terbaik yang dibuat oleh Unit Pengurusan Universiti (UPU) . Mereka dipilih dikalangan pelajar dari sekolah agama . Inilah hasrat kepimpinan Negara yang mahu memberi peluang yang istimewa kepada pelajar dari sekolah agama mendapat tempat mengikuti program jurusan perubatan.

Selama setahun pelajar mengikuti pengajian di Pusat Tamhidi yang terletak di Politeknik MARA di Bangi . Pada saat hari pertama , mereka telah dipesan oleh Dekan untuk belajar bersungguh sungguh dan saling bantu membantu satu sama lain seperti adik dan kakak atau abang.Berkat tekun dan usaha mereka serta dengan bimbingan rapi dari tenaga pengajar yang berpengalaman dan berdedikasi, kesemua mereka berjaya mencapai keputusan peperiksaan akhir di Pusat Tamhidi dengan mendapat PNGK 3.5 ke atas . Keputusan itu melayakkkan mereka meneruskan pengajian di dalam bidang perubatan bagi sesi pengajian 2005/2006. Dari Bangi, 29 orang pelajar yang terdiri dari 13 orang pelajar perempuan dan 16 orang lelaki mendaftar pula di FPSK yang terletak disebuah bangunan yang disewa di Pandan Indah iaitu Menara B , Persiaran MPAJ , Jalan Pandan Utama , Kuala Lumpur. FPSK menggunakan 5 tingkat dari Menara B ini yang telah diubahsuai mengikut perancangan Dekan Pengasas . Lokasi dipilih kerana ianya berdekatan dengan Hospital Ampang yang merupakan hospital pengajar yang dipersetujui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk FPSK . Juga dibenarkan ialah penggunaan Hospital Temerloh, Tampin dan Jelebu. Semua kelengkapan pembelajaran dan pengajaran seperti dewan kuliah serta makmal moden dan perpustakaan perubatan disediakan untuk kegunaan pelajar perubatan USIM

ini. Selain itu, sebuah muzium perubatan, makmal komputer, cyber cafe, gymnasium , kafetaria dan bilik rehat pelajar juga disediakan . Kesemua keperluan sebuah fakulti perubatan disediakan di bangunan yang disewa ini. Disinilah bermula pengajian perubatan selama 6 tahun untuk kumpulan pertama seramai 29 orang ini. Kini FPSK mempunyai seramai seramai 317 orang pelajar dan jumlah ini akan terus bertambah setiap tahun.

FPSK merupakan satu satu fakulti perubatan dalam negara yang masih menggunakan kurikulum konvensional atau tradisional yang telah diubahsuai dan dipermodenkan oleh Dekan Pengasas . Kaedah pengajaran seperti kuliah ,problem based learning (PBL), case based learning (CBL) latihan asas klinikal dimakmal dan lain lagi semua diperkenalkan di FPSK. Pengajaran sebenar klinikal dilakukan di Ampang , Temerloh, Tampin dan Jelebu. Fakulti perubatan yang merupakan satu projek "Top Down" ini pada awalnya mendapat beberapa kemudahan yang diperlukan . Tetapi sejak kebelakangan ini, FPSK menghadapi kekangan mendapat perjawatan pensyarah . Namun demikian , kekurangan pensyarah bukan satu penghalang untuk FPSK memastikan pemberian pengajaran dan latihan terbaik kepada para pelajar kerana ramai pakar dari KKM dan juga pensyarah dari UKM, UPM, UM, UITM dan Universiti Cyberjaya turut membantu mengajar . Para pelajar telah melalui 3 Peperiksaan Profesional yang dinilai oleh pakar dari dalam dan luar negara . Laporan yang diterima mengenai taraf sistem pengajaran dan pembelajaran serta penilaian amat memberansangkan.

Berkat usaha dan kerjasama semua pakar yang rasa bertanggung jawab ini, program perubatan FPSK diiktiraf oleh Malaysian Qualifying Agency (MQA) dan Malaysian Medical Council (MMC) selama 3 tahun. Insya Allah, dengan diberi pertambahan perjawatan pensyarah , FPSK akan terus berusaha untuk mendapat pengiktirafan 5 tahun pula dari MQA/MMC.

Satu keistimewaan doktor perubatan lepasan dari FPSK , USIM ialah semua pelajar fasih dalam 3 bahasa – Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab . Ada dikalangan mereka juga berjaya menghafal Al Quran tetapi kebanyakannya menghafal sebahagian dari Al Quran . Ini merupakan Surah lazim dan Surah berkenaan sains kesihatan yang dipilih oleh mereka yang pakar Al Quran. Mereka juga diajar mengendalikan kematian dari saat seorang nazak sehingga hal dimandi , dikapan dan dibawa ke perkuburan . Selain itu, mereka juga memberi khidmat masyarakat seperti melakukan saringan kesihatan dan nasihat kesihatan dibeberapa tempat . Kemana saja tempat dihantar dan apa jua yang disuruh ajar , mereka lakukan tanpa berkira atau rungutan.

Kini 29 orang graduan sulung FPSK telah diterima bertugas oleh KKM dan ditempatkan dimerata hospital diseluruh negara . Mereka ditempatkan dalam pelbagai bidang klinikal sebagai Housemen atau Doktor Siswazah mulai pertengahan Julai 2011. Posting pertama selama 4 bulan telah dilalui dengan jaya oleh kesemua mereka. Alhamdulillah, mereka telah menunjukkan kemampuan untuk bertugas sebagai doktor perubatan. Mereka akan menjalani khidmat sebagai Housemen ini selama 2 tahun.

Harapan Fakulti kepada mereka ialah agar ramai antaranya ,yang akan menyertai FPSK sebagai pensyarah satu hari nanti . FPSK tentunya mengharapkan Alumni Perubatan USIM akan membantu untuk membangun dan membawa FPSK ke persada yang lebih tinggi lagi. Kejayaan FPSK, USIM adalah kejayaan bangsa dan agama kita juga . Begitu juga kegagalan FPSK dianggap sebagai kegagalan bangsa dan agama kita juga. Marilah kita sama sama memastikan kejayaan FPSK, USIM untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi perubatan dinegara dan serantau .

# 1, 894 Pelajar Sarjana Muda Mendaftar Di USIM

Oleh: Khairul Azizi Elias



Seramai 1,894 pelajar Ijazah Sarjana Muda mendaftar secara rasmi di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di hari pendaftaran universiti pada 7 September yang lalu.

Daripada jumlah tersebut, seramai 533 orang ialah pelajar lelaki manakala 1,361 orang lagi merupakan pelajar wanita yang mengikuti pengajian di lapan fakulti pengajian di USIM.

Semua pelajar baru akan mengikuti program Minggu Taa'ruf sehingga Jumaat ini dan acara kemuncak bagi para pelajar adalah Majlis Amanat dan Lafaz Ikrar Pelajar Baru, telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda berkata, Majlis Amanat dan Lafaz Ikrar Pelajar Baru ini adalah majlis yang amat bermakna sekali, kerana setiap pelajar akan membaca ikrar, iaitu membuat akuanji kepada diri sendiri.

"Pada petang ini, para pelajar akan berjanji untuk menjadi pelajar yang baik, bertekad untuk mencapai kecemerlangan dan juga menjadi warga yang baik terhadap Universiti ini, agama, bangsa dan negara dan sebaik sahaja tamat pembacaan ikrar ini, maka dengan secara rasminya semua pelajar akan bergelar pelajar USIM" tambah beliau lagi.

Pada masa yang sama, katanya, Ini merupakan bilangan pelajar yang terbesar mendaftar sejak USIM ditubuhkan, menjangkau pelbagai bidang, meliputi bidang sains sosial, sains dan teknologi, termasuk perubatan dan pergigian.



# Graduan FBBU Laris Dipasaran

**F**akulti Pengajian Bahasa Utama telah ditubuhkan pada tahun 2004 dengan pengambilan pelajar sulung bagi Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi pada sesi akademik 2005/2006. Fakulti ini ditubuhkan bertujuan untuk menghasilkan graduan berpengetahuan, mahir dan profesional dalam bidang pengajian bahasa dan pendidikan. Selain itu, ia membuka ruang kepada penyelidik dan pendidik untuk mengkaji, menyelidik dan menyebarkan pengetahuan yang berkaitan seterusnya membolehkan USIM melahirkan modal insan yang bersifat global, berkeyakinan dan kompetitif. Penguasaan pelbagai bahasa membolehkan pelajar mengkaji dan mengetahui budaya dan tamadun, dan melahirkan sebuah bangsa yang toleran, dinamik, berwawasan dan berjiwa besar sesuai dengan hasrat dan harapan kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berdaya saing.

Setelah berjaya menghasilkan graduan menerusi Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi sejak dua tahun yang lepas (2009), FPBU kini mengorak selangkah lagi ke hadapan apabila berjaya menghasilkan graduan sulung bagi Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian pada tahun ini. Program pengajian selama 4 tahun bermula Sesi kemasukan 2007/2008 ini akhirnya melahirkan 64 orang graduan sulung. Ia merupakan satu-satunya program pengajian pendidikan bagi sarjana muda pengajian sepenuh masa di USIM.

Selaras dengan falsafah USIM, FPBU telah mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam usaha menghasilkan graduan yang mampu bersaing dalam pasaran kerja semasa. Usaha ini membawa hasilnya dengan penerimaan graduan FPBU di agensi kerajaan maupun swasta di seluruh Malaysia. Antara alumni FPBU yang telah berjaya menempatkan diri dalam agensi terkemuka ialah seperti di Syarikat TV Hijrah sebagai Penolong Penerbit, wartawan di News Straits Times, Pembantu Penyelidik di Akademi Permata Insan, dan juga penyumbang utama guru di Kementerian Pelajaran Malaysia.

FPBU mengharapkan graduan yang dilahirkan mampu mendidik masyarakat Malaysia dan bersaing dalam dunia kerjaya yang lebih mencabar. Semoga FPBU terus maju.



# FKP Optimis Lahirkan Graduan “Multi-Tasking”

Oleh: Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani



**B**agi memenuhi tuntutan semasa dalam bidang pekerjaan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) akan terus berusaha untuk memastikan graduan yang dikeluarkan berkebolehan dalam semua disiplin ilmu dan ‘marketable’. Sejarah dengan usaha itu, setiap mahasiswa yang berada dalam fakulti ini akan diberikan pendedahan yang sewajarnya meliputi empat program utama yang ditawarkan dalam fakulti ini iaitu bidang dakwah, akidah, kaunseling dan komunikasi menerusi program-program pelajar dan juga subjek yang ditawarkan semasa mengikuti pengajian.

Empat program yang telah ditawarkan dalam fakulti ini mampu untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, kompeten, futuristik dan yang paling penting ialah pelajar mahir dalam pelbagai bidang serta tidak hanya tertumpu kepada satu kemahiran sahaja.

Integrasi di antara dunia niawi dan ukhrawi amat penting dalam usaha melahirkan graduan Islam yang boleh memberi sumbangan kepada masyarakat dan agama. Selaras dengan itu, fakulti ini telahpun mengambil inisiatif yang lebih awal dengan menawarkan subjek yang mempunyai kombinasi di antara keduanya. Semua program pengajian sama ada pada peringkat pra-siswazah mahupun pasca-siswazah dibangunkan

melalui integrasi antara teras ilmu naqli dan aqli yang bertepatan dengan kehendak shariat Islam. Program-program pengajian direka bentuk khas untuk memenuhi keperluan industri dan pihak berkepentingan di seluruh negara. Justeru, aktiviti keilmuan di FKP tidak terbatas kepada memahami dan mengupas teori semata-mata, tetapi mengaplikasikannya di organisasi atau dalam masyarakat. Seperti contoh penawaran subjek atau kursus yang meliputi dua teras ilmu naqli dan aqli seperti Prinsip Kewartawanann Menurut Perspektif Islam, Prinsip dan Amalan Komunikasi Dakwah, Pemberitaan Islam, Komunikasi dan Jaringan, Kaunseling dalam Al Quran dan Al Sunnah dan sebagainya dapat memberikan input kepada pelajar untuk lebih mendalami kursus tersebut. Tambahan lagi, dengan adanya pelbagai kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang disediakan di fakulti ini seperti makmal kaunseling, studio radio, studio tv, bilik suntingan, kamera rakaman dan mimbar ucapan awam jelas ianya dapat membantu merealisasikan hasrat FKP untuk menghasilkan graduan yang serba boleh.

Sempena konvokesyen kali ke-9 ini, FKP amat berbangga kerana berjaya menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) kepada dua orang pelajar yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang Dakwah dan Pengurusan Islam. Manakala

pada tahun ini juga, seramai 23 orang pelajar dianugerahkan Ijazah Sarjana iaitu dua orang pelajar dalam Sarjana Komunikasi (Pengurusan Media), empat orang pelajar dalam Sarjana Kaunseling (Keluarga), 14 orang pelajar dalam Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) dan tiga orang pelajar dalam bidang Sarjana Dakwah dan Pengurusan Islam. Selain itu, FKP juga menganugerahkan Diploma kepada 11 orang pelajarnya yang telah tamat mengikuti Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPADA).

Manakala untuk peringkat di pengajian prasiswazah, FKP berjaya menghasilkan graduan seramai 234 pelajar. Seramai 140 pelajar akan menerima Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan kepujian, 63 pelajar akan menerima Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan kepujian dan 31 pelajar akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan kepujian. Untuk konvokesyen kali ini juga seramai tujuh orang pelajar layak dianugerahkan Ijazah Kelas Pertama.

Sempena konvokesyen pada kali ini juga, FKP amat berbesar hati kerana pelajar dari program Dakwah dan Pengurusan Islam iaitu Mohd Shahruh Faizie Zaini layak dianugerahkan Anugerah Diraja atas kecemerlangan yang berjaya diraih beliau dalam bidang akademik dan kurikulum.

# Amalkan Kesederhanaan Berimbang

Oleh: Khairul Azizi Elias



**S**ejak daripada peringkat awal kehadiran Islam ke bahagian dunia ini, telah banyak faedah dan kesan pembangunan positif dinikmati oleh penduduk di kawasan ini. Pandangan hidup yang berteraskan kepada petunjuk wahyu Ilahi dan daripada lipatan sunah dan sirah Rasulullah SAW telah menggantikan segala kepercayaan, kebudayaan dan sistem kehidupan yang tidak berasaskan kepada ilmu dan kebenaran yang ada dalam masyarakat.

Kehadiran Islam di Nusantara amnya dan Malaysia khasnya telah melahirkan masyarakat yang moderat berteraskan prinsip wasatiyyah atau kesederhanaan berlandaskan kehendak syariah. Manifestasi kecemerlangan Islam berteraskan konsep wasatiyyah di Malaysia dapat dilihat menerusi kemunculan dan perkembangan tamadun Islam yang gemilang di negara ini termasuk perlaksanaan sistem yang berteraskan Islam dalam segenap aspek kehidupan. Amalan toleransi dan prinsip keadilan sosial yang dipraktikkan di negara ini juga adalah selaras dengan prinsip ajaran Islam dan berjaya membina masyarakat berbilang kaum yang hidup bersama secara harmoni dan hormat-menghormati antara satu dengan lain.

Bagi mengembalikan kesedaran akan peri pentingnya kedudukan Islam dalam segenap lapisan masyarakat di Malaysia yang telah bertapak di rantau ini sejak daripada seribu tahun yang lampau sehingga sekarang dan peranannya dalam pembinaan masyarakat dan tamadun berteraskan konsep wasatiyyah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Nadi Dialog Malaysia (NADI) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah mengajurkan Konvensyen Wasatiyyah

Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara pada 10 dan 11 Jun lepas bertempat di Hotel Pullman, Putrajaya. Konvensyen yang julung kali diadakan di rantau ini bertujuan untuk menjelaskan kepada masyarakat peranan dan pengaruh Islam yang telah lama bertapak di Malaysia dan menjangkau lebih daripada seribu tahun dahulu.

Perdana Menteri, Datuk Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak ketika berucap pada majlis perasmian konvensyen tersebut turut memberi peringatan kepada rakyat mengenai konsep wasatiyyah atau kesederhanaan berimbang yang dimaksudkan bukanlah kesederhanaan menurut tafsiran pihak luar yang cuba ‘mencanai’ umat Islam mengikut tasawur mereka. Sebaliknya, beliau menjelaskan, wasatiyyah dalam pengertian negara adalah amalan yang diteladani daripada Rasulullah SAW serta melalui rentetan sirah. Antaranya melalui mengambil konsep semangat piagam Madinah dan perjanjian Hudaibiah serta kesederhanaan berimbang khalfah-khulafah Khulafa al-Rasyidin serta para sahabat kemudian. Dalam konteks negara ini, Najib berkata, pendekatan wasatiyyah perlu dititikberatkan sesuai dengan kepelbagaiannya agama dan budaya yang diamalkan di kalangan rakyat.

Konvensyen selama dua hari itu dihadiri para pemimpin negara, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik, pemerhati politik serta mahasiswa yang menyaksikan lima kertas kerja dibentangkan bagi membincangkan konsep wasatiyyah disertai kupasan-kupasan menarik meliputi aspek keagamaan, kemasyarakatan, sejarah, politik, ekonomi, dan syariah.

Antara tajuk pembentangan yang dikupas pada konvensyen tersebut ialah Satu Milenium Islam Sebagai Paksi Perpaduan Serumpun oleh ahli akademik dari Indonesia, Profesor Dr. Muslim Ibrahim; Konsep Wasatiyyah: Perspektif Sosial Sains oleh Profesor Datuk Dr. Zainal Kling; Satu Milenium Islam di Nusantara: Tinjauan Sosio-Sejarah oleh Dr. Muhammed Mustaqim Mohd Zarif; Wasatiyyah Menjamin Keamanan Sejagat oleh Imam Feisal Abdul Rauf dan Konsep Wasatiyyah: Persepektif Islam oleh Profesor Datuk Dr. Ismail Ibrahim.

Jawatankuasa Resolusi Konvensyen Wasatiyyah telah bersetuju sebulat suara untuk merumuskan tujuh resolusi untuk diberi perhatian oleh semua pihak dan dibacakan oleh Datuk Abdul Manaf Haji Ahmad, Pengarah Bersama bagi konvensyen tersebut.

**Resolusi pertama** menyatakan fakta ilmiah yang ditemui membuktikan kehadiran Islam kepada masyarakat Nusantara bermula sejak kurun pertama Hijrah dan

satu kajian saintifik diperlukan segera bagi memuktamadkan hakikat tersebut. Resolusi kedua merujuk sejarah kedatangan Islam di alam Melayu secara langsung telah memupuk konsep amalan wasatiyyah dalam masyarakat selaras dengan tuntutan Islam yang syumul.

**Resolusi ketiga** pula berkaitan keperluan untuk mendalami konsep wasatiyyah secara lebih menyeluruh agar dapat menghindari salah tafsir dan elemen kontradiksi dalam pemikiran masyarakat.

**Resolusi keempat** berkenaan soal melihat keperluan untuk menterjemahkan konsep wasatiyyah dalam semua aspek kehidupan sebagai satu falsafah bangsa Melayu Nusantara termasuk dari sudut politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

**Resolusi kelima**, konsep wasatiyyah yang diamalkan oleh masyarakat Islam selama ini perlu diperkuatkan sebagai teras agenda pengukuhan gagasan perpaduan ummah sejagat.

**Resolusi keenam** mencadangkan supaya sebuah institut strategik kajian wasatiyyah ditubuhkan bagi melaksanakan keperluan tersebut.

**Resolusi ketujuh** pula menyatakan sebuah Suruhanjaya Penasihat Agama Islam yang bertanggungjawab kepada Majlis Raja-Raja Melayu juga perlu ditubuhkan bagi memantau dan mendapatkan nasihat tentang isu terkini hal ehwal agama Islam secara lebih efektif.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Induk Konvensyen Wasatiyyah, Tan Sri Dr. Yusof Mohd. Noor, konsep wastiyyah dilihat mampu menutup ruang-ruang perselisihan faham akibat perbezaan pendapat di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Sekiranya ia tidak dikekang, pasti akan membulan ketidakpuasan hati pada masa akan datang.



# Memanfaatkan Teknologi Maklumat Dalam Pengajian Berteraskan Quran Dan Sunnah

Oleh: Mohd Yusof Bin Ismail

Perkembangan pesat penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dipelopori oleh kerajaan telah melonjakkan perkembangan ilmu pengetahuan dikalangan masyarakat umum dan menjadi satu budaya yang diterima segenap lapisan masyarakat. Dengan pengenalan dan akses yang amat mudah seperti perkhidmatan jalur lebar, jaringan menggunakan wayar silikon dan sebagainya mempercepatkan lagi penyebaran maklumat dan pengetahuan. Lantaran itu, setiap agensi kerajaan samada yang menyediakan perkhidmatan ataupun pendidikan telah bergerak ke arah menyahut seruan ini termasuklah institusi pengajian tinggi awam seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menawarkan pengajian berteraskan pendidikan Islam.

Pendidikan Islam mempunyai cabang pengajian yang pelbagai, antaranya ialah Pengajian Syariah, Dakwah, Pengajian Quran dan Sunnah, Muamalat dan Ekonomi Islam dan sebagainya. Sebahagian cabang pendidikan Islam ini belatar belakangkan kaedah pengajian tradisional iaitu dengan cara membaca atau bernaltaqqi dengan guru yang mengajar, terutama sekali pengajian berkaitan Quran dan Sunnah. Dalam mendepani cabaran semasa dalam memanfaatkan teknologi maklumat sebagai alat penyebaran informasi, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM telah mengorak langkah dan mengatur strategi sejak dari awal penubuhannya. Pengenalan program pengajian dan kursus yang mengenangkan penggunaan ICT dalam pengajian Quran dan Sunnah adalah di antara beberapa langkah yang telah dilaksanakan.

Program Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dan Program Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat ialah

“

**Konsep Pengajian Quran dan Sunnah yang selama ini dianggap terkebelakang akan dapat membawa imej baru dan seterusnya mendapat tempat di hati setiap masyarakat Islam di dunia.**

”

dua program yang ditawarkan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM untuk menggabungkan dua elemen penting dalam ilmu pengetahuan, iaitu elemen wahyu sebagai sumber pengetahuan dan elemen teknologi sebagai wasilah untuk menyebarkan ilmu pengetahuan. Di samping itu juga, integrasi ilmu pengetahuan ini akan meletakkan Pengajian Islam seiring, bahkan lebih maju kehadapan berbanding ilmu pengetahuan lain kerana konsep pengajian integrasi ini ialah suatu konsep yang holistik, menggabungkan antara keperluan duniaawi dan ukhrawi setiap individu.

Bagi merealisasikan lagi hasrat ini, beberapa kursus yang memberikan fokus lebih mendalam dalam mengkaji cabaran, peluang dan ruang aplikasi ICT dalam pengajian Quran dan Sunnah telah diperkenalkan, antaranya ialah kursus Kajian Quran dan Hadis di Era ICT, kursus Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah dan sebagainya. Kursus-kursus ini menjadi medan para pensyarah dan pelajar dalam meneroka kaedah-kaedah baru untuk membawa wahyu Quran dan Sunnah kepada masyarakat umum. Penggunaan aplikasi teknologi maklumat seperti laman sesawang, blog, perisian komputer dan media massa yang ada dikaji

bagi memenuhi keperluan tuntutan menyebarkan wahyu Allah ini. Hasilnya, pelajar mampu untuk mencipta perisian yang telah mendapat pengiktirafan diperingkat kebangsaan seperti portal e-manuskrip yang memberi perhatian kepada kajian manuskrip melayu dan Islam, dan telah memenangi anugerah Social Impact Policy di National Research and Innovation Competition (NRIC) yang dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia, projek My Tarannum SLS (Smart Learning System), E-Guide Interactive Kiosk yang memenangi pingat emas dan Iqra' Basic dan Dr Hadith Nature memenagi pingat Perak dalam Pertandingan Ekspo Inovasi Islam 2011 (i-INOVA) anjuran USIM.

Dengan lahirnya graduan yang berkebolehan ini, harapan tinggi yang telah diletakkan akan dapat dicapai dan direalisasikan, terutamanya dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam yang terkehadapan dan menjadi hub pendidikan tinggi serantau. Di samping itu, konsep Pengajian Quran dan Sunnah yang selama ini dianggap terkebelakang akan dapat membawa imej baru dan seterusnya mendapat tempat di hati setiap masyarakat Islam di dunia.

# Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa Realisasikan Generasi Al-Abrar

Oleh: Wan Nor Zadilah Wan Mohamad, Suhaila Said, Norashikin Awaluddin,  
 Norhafizah Arshad, Suliza Kasno & Ummu Majidah Sururi



**E** Transforming people from good leader to great leader, itulah saranan Yang Berbahagia Datuk Ab Rahim Md. Noor, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi ketika majlis pelancaran Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa (PTKM) yang telah diadakan di Galeri Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 19 Oktober yang lalu.

Menurut beliau, proses membina personaliti unggul memerlukan usaha dan komitmen yang besar dalam pembangunan kompetensi dan kepimpinan mahasiswa selain mewujudkan gerak kerja secara berkolaboratif bersama pihak luar. *Winning heart and mind*, itu antara penegasan yang turut beliau ketengahkan. Tambah beliau, minda dan hati mahasiswa perlu dimenangi terlebih dahulu bagi melakukan transformasi. Beliau juga menzhirikan harapan agar program kesedaran USIM dapat membuka minda mahasiswa agar lebih cenderung dalam kehidupan bermasyarakat.

PTKM merupakan salah satu Projek Rangsangan 2011 yang telah dicetuskan oleh Naib Canselor USIM dan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) USIM. Seramai 100 orang peserta telah dipilih untuk menyertai program ini.

Antara objektif utama yang ingin direalisasikan melalui program ini adalah untuk membuka perspektif peserta kepada elemen-elemen sokongan

yang berkaitan dengan kepimpinan, meluaskan pemikiran peserta agar berpandangan jauh ke hadapan dan membentuk sifat-sifat al-Abrar atau berbakti dalam diri peserta.

Tiga elemen sokongan yang telah diketengahkan melalui program ini adalah elemen kesedaran khidmat sosial, kesedaran pemuliharaan alam sekitar dan kesedaran kepenggunaan.

Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Muhammad Muda dalam ucapan beliau berkata, aspek transformasi diri yang diutarakan dalam program berilmiah ini dilihat mampu menjadi salah satu platform ke arah pembangunan pembinaan diri mahasiswa.

PTKM adalah bertepatan dengan USIM KRA 1 iaitu ke arah membentuk dan melahirkan graduan holistik dan berdaya gaji tinggi. USIM bukan sahaja menitikberatkan kemajuan pembangunan universiti semata-mata bahkan turut menekankan aspek pembinaan jati diri mahasiswa itu sendiri. Empat bidang utama yang boleh diceburi mahasiswa untuk membina satu anjakan transformasi diri adalah meliputi bidang kesukanan, kebudayaan dan kesenian, kesukarelawanan dan khidmat sosial serta bidang politik dan alam sekitar.

Menurut NC lagi, GISO (Global Islamic Students Outreach) merupakan salah satu inisiatif awal pihak universiti untuk merealisasikan harapan ke

arah membentuk modal insan yang berkredibiliti. Sebanyak 14 program dibawah GISO yang telah dijalankan di sembilan buah negara yang dilihat sebagai salah satu usaha jitu pihak universiti bagi memastikan transformasi ini berjaya dibentuk dalam kalangan mahasiswa.

Melalui PTKM, USIM telah mengorak langkah awal dengan menghantar sebahagian pelajar ke Sungai Temiang pada 16 dan 19 Oktober yang lalu untuk diberi pendedahan mengenai pemuliharaan sungai. Mahasiswa telah diperkenalkan dengan satu teknologi baru dalam proses pembersihan dan penjernihan air sungai iaitu bebola lumpur yang dikenali sebagai EM Mudballs. Menerusi aktiviti ini, para peserta berpeluang membuat sendiri EM Mudballs dan melontarkannya ke Sungai Temiang.

En. Nordin Yunus, Penolong Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan (JPSNS) menegaskan bahawa masyarakat perlulah berfikiran lebih progresif dan bertindak dengan lebih awal atas segala kemungkinan yang akan berlaku pada masa depan terutamanya dalam aspek penjagaan alam sekitar.

Pada hari yang sama, para peserta juga telah dibawa ke Teluk Kemang, Port Dickson untuk melestarikan aktiviti pembersihan pesisir pantai yang merupakan salah satu daya tarikan manirik di Negeri Sembilan. "USIM adalah IPTA terawal mengambil inisiatif bijak melalui kolaborasi bersama JPSNS dalam usaha membersihkan kawasan pantai", ujar En Jefri Mohd Hassan, Juru Teknik Kanan Port Dickson.



# Rehlah Nusantara Membudayakan Bahasa Arab

Oleh: Muhamad Taufik Bin Abu Bakar



Seramai 17 orang pelajar termasuk tiga orang jurulatih dan penasihat debat Bahasa Arab Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menyertai lawatan antarabangsa ke Indonesia bagi memperkenalkan Kejohanan Debat Bahasa Arab Peringkat IPT Asean di beberapa Universitas Islam yang terdapat di sana.

Lawatan selama 7 hari bermula 23 Mei sehingga 29 Mei 2011 itu merupakan anjuran Kelab Debat USIM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Antara universitas yang dilawati ialah Universitas Muhammadiyah Jakarta, Universitas Al-Azhar, dan Universitas Islam Nusantara.

Menurut pengarah program, M. Syamsul Anam bin Qamarul Huda "Antara objektif kami mengadakan lawatan seperti ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan persaudaraan antara pihak USIM dengan universitas-universitas

Islam di Indonesia disamping memperkenalkan Kejohanan Debat Bahasa Arab Peringkat IPT Asean yang akan di adakan di USIM pada bulan September ini."

Simulasi debat bahasa arab turut diadakan bagi memberi gambaran cara perdebatan ala Parlimen Malaysia. Selain itu, penerangan tentang peranan setiap pendebat, syarat-syarat perdebatan dan syarat-syarat penyertaan turut disampaikan oleh Dr.Ahmad Pangidoan Nasution. Sesi soaljawab turut diadakan bagi menjawab segala kemosyikilan dikalangan pelajar.

Ketika berada di Universitas Islam Nusantara Bandung, delegasi USIM disambut meriah oleh pihak universitas tersebut. Selawat dan irungan paluan kompang dialunkan ketika menyambut kedatangan mereka di sana.

"Kami berasa sangat terkejut dan terharu dengan sambutan yang

diberikan oleh pihak Universitas Islam Nusantara" kata Nor Kamalia Baharum, salah seorang peserta program lawatan Rehlah Nusantara. Tambah beliau lagi, selepas acara simulasi debat dan penerangan mengenai debat Asean berakhir, satu sesi ramah mesra bersama Rektor (Canselor) turut diadakan. Akhir sekali, beliau berharap semoga kejayaan Program Rehlah Nusantara ini akan memberi kesan kepada universitas-universitas yang telah dilawati untuk turut sama memeriahkan dengan menyertai Kejohanan Debat Bahasa Arab Peringkat IPT ASEAN yang akan diadakan di USIM pada September ini.



# USIM Juara Pertandingan Debat Piala Perdana Menteri 2011

Oleh: Khairul Azizi Elias



**U**niversiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul juara kali pertama bagi kategori Bahasa Melayu apabila berjaya menewaskan Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada pusingan akhir, Pertandingan Debat Piala Perdana Menteri 2011 (PPM) yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 25 Oktober 2011 baru baru ini.

Pendebat USIM yang terdiri daripada Ummu Umairah Azahari, Mohd. Ikhwan Mohd Rosseli, Mohammad Shah Izad Saleh dan Mohammad Irhamuddin Ibrahim telah berjaya membawa pulang wang tunai RM25,000, piala dan sijil penyertaan. Pertandingan itu juga menyaksikan pendebat USIM, Mohd. Ikhwan dipilih sebagai pendebat terbaik yang melayakkan mereka membawa

pulang RM2,000.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mewakili Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak. Debat PPM yang pertama kali dianjurkan disertai 44 institusi pengajian tinggi. Debat ini berlangsung selama lima hari bermula 20 Oktober lalu.

Sebelum ini, PPM hanya diadakan pada peringkat Sekolah Berasrama Penuh (SBP) sejak 1974. PPM 2011 adalah anjuran MyHarapan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan UIAM.



# AKI 2010 USIM Iktiraf Kakitangan Cemerlang

Oleh: Khairul Azizi Elias



Seramai 167 kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diraikan pada Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi Tahun 2010 (AKI'10) pada 20 September lalu di atas usaha dan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2010 yang lalu.

Seramai 97 kakitangan telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang manakala seramai 58 kakitangan dipilih untuk menerima Anugerah Terpuji.

Y.Bhg Dato' Syed Amin Al-Jefri, Ahli Lembaga Pengarah USIM telah dipilih sebagai penerima Anugerah Sumbangsih sebagai penghargaan kepada beliau di atas jasa dan usaha gigih di dalam mencorakkan dan meningkatkan lagi kualiti universiti. Selain itu, 'AKI 2010' turut menganugerahkan Y.Bhg Profesor Emeritus Tan Sri Dato. Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Naib Canselor pertama USIM yang kini merupakan pengarah di Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM

dengan penganugerahan Tokoh Hasanul Mudir.

Anugerah-anugerah lain yang turut diberikan adalah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang; Anugerah Kualiti Naib Canselor; Anugerah Penyelidikan; Anugerah Penerbitan; Anugerah Pentadbir Cemerlang; Anugerah Staf Contoh Tahunan; Anugerah Khas Inovasi dan Rekacipta; Anugerah Inovasi dan Rekacipta; Anugerah Khidmat Masyarakat; Anugerah Cuti Belajar dan Anugerah Khidmat Setia Pensyarah Antarabangsa.

Majlis gilang gemilang ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md. Noor, Pengurus Lembaga Pengarah USIM. Turut hadir sama di dalam majlis ini adalah Naib Canselor dan Pengurusan Tertinggi USIM yang lain.

'AKI 2010' adalah acara kemuncak bagi sambutan Minggu Kualiti dan Inovasi USIM 2011 yang telah dirasmikan oleh Y.bhg Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, pada Majlis Perhimpunan Bulanan USIM.



# Lensa USIM





# IHRAM

## Optimis Perjuangkan Isu Halal Haram

**R**encana berkenaan IHRAM untuk kumpulan Utusan Malaysia.(Draf Awal) Masyarakat Malaysia Islam hari ini masih lagi dibelenggu dengan kesahihan maklumat mengenai masalah halal dan haram terutamanya dari segi konteks pemakanan searian.Sudah menjadi kewajipan bagi umat islam mencari halal itu adalah wajib kerana di Dalam Al-Quran,Allah SWT, berfirman dalam surah AL-MAIDAH ayat-88 yang bermaksud "Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezkikan kepadamu, dan bertakwalah kepada Allah Yang kamu beriman kepada-Nya".Jelas ayat ini Allah swt memerintahkan kepada hamba-Nya agar mereka memakan rezeki yang halal dan baik, yang telah dikurniakan-Nya kepada mereka. Halal di sini mengandungi dua pengertian. Pertama halal menurut zatnya, iaitu bukan termasuk barang-barang yang oleh agama Islam dinyatakan sebagai barang-barang yang haram, seperti bangkai, darah, daging babi dan khamar.

Kedua halal menurut cara memperolehnya, iaitu diperoleh dengan cara-cara yang dihalalkan oleh agama, misalnya dengan cara membeli, meminjam, pemberian, dan sebagainya. Bukan dengan cara-cara yang dilarang islam, seperti mencuri, merampas, menipu, rasuah, riba, judi dan lain-lainnya. Malaysia adalah negara berbilang kaum dan agama islam adalah agama rasmi negara kita. Sudah tentu kita berkongsi pandangan atau pun pemikiran yang sama seiring kemajuan yang kita kecapai hari ini bersama-sama. Tetapi apa yang menjadi masalah bagi umat islam dinegara ini adalah lemah dalam pengetahuan mengenai hukum halal dan haram dalam pengambilan dan penyediaan makanan terutama sekali bagi generasi muda negara.Selain selera golongan ini terarah kepada makan ringan yang diragui khasiatnya,mereka juga tidak peduli mengenai status makanan yang dimakan samaada halal atau pun haram.Hari demi hari sudah banyak terdapat kes-kes yang tidak sepatutnya berlaku di negara kita dan dibongkar satu persatu dan didedahkan kepada orang awam oleh pihak berwajib seperti Jabatan Kemajuan Umat Islam Malaysia atau JAKIM. Sebagai contoh isu yang berkaitan sosej yang dikatakan mengandungi DNA babi, selain ada pusat-pusat penyembelihan yang tidak mematuhi hukum syarak.Perkara seperti ini terjadi kerana kurangnya asas pengetahuan dalam islam berkait dengan pemprosesan makanan halal selain sikap sesetengah pihak yang ingin mengaut keuntungan maksima semata-mata tanpa memikirkan kepentingan umat islam sejagat.

Penubuhan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) pada 1 Januari 2010 adalah sejajar dengan objektif Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk menujukan pusat kecemerlangan bagi mempercepatkan pencapaian visi dan misi USIM dalam penyelidikan, pengurusan halal,dan khidmat latihan, disamping menjalankan tanggungjawab agama kepada masyarakat dan ummah. (IHRAM) berazam

untuk menyelesaikan masalah berkaitan halal dan haram menggunakan pendekatan sains dan teknologi berteraskan Quran dan as-sunnah. Walaupun masih baru terlibat penyelidikan berkaitan produk-produk halal di peringkat nasional,IHRAM menngorak langkah memperjuangkan isu-isu yang berkaitan kepentingan umat islam khusus di negara ini dalam konteks pemakanan melalui penyelidikan saintifik dan analitikal.

IHRAM diterajui Prof.Madya Dr Alina binti Abdul Rahim sebagai pengarah, mempunyai kakitangan yang kompeten dalam menjalankan penyelidikan dan analisis makanan di makmal. Kemudahan alatan yang tersedia di makmal juga mampu mengenal pasti kualiti dan kuantiti khasiat dan kandungan didalam makanan tersebut samaada mematuhi hukum syariaq atau sebaliknya. Makmal IHRAM berstatus 'Bionexus Lab Partner' oleh Biotech Corp, dengan status pengiktirafan selama lima tahun, akan dilancarkan hujung Disember 2011 ini. IHRAM, menyediakan pendekatan pelbagai disiplin yang unik, mengintegrasikan antara ilmu aqli dan naqli dengan memartabatkan maqasid syariah :- memelihara keimanan, memelihara akal, memelihara nyawa, memelihara harta dan memelihara keturunan.

Objektif Ihram adalah untuk mengenal pasti dan memudahkan penyelesaian masalah isu-isu yang berabad lama dan kontemporari, yang memberi kesan kepada umat Islam, dengan menggunakan pengetahuan klasik dan teknologi, yang berdasarkan Al-Quran dan Sunnah. Ihram diamanahkan untuk mengerakkan universiti dalam mendekati masyarakat di seluruh dunia untuk melibatkan diri, mendapatkan penyertaan, memperkasakan dan penglibatan bersama, untuk membawa kesejahteraan kepada ummah.

Aktiviti Ihram adalah memberi tumpuan kepada pembinaan keupayaan, latihan, perkhidmatan dan penyelidikan yang berkaitan ke arah Halal dan Haram, memperkasakan pemimpin muda Islam, penglibatan sivik/pembangunan kepimpinan dari konteks Islam, dan strategi pembangunan komuniti berdasarkan kajian dan teknologi Islam.

IHRAM menyediakan perkhidmatan untuk menganalisis sampel daripada pihak luar (industri atau badan kerajaan) untuk label nutrisi, mengenal pasti bahan cemar,produk pengguna, metabolik dan adulterasi makanan.IHRAM juga menjalinkan kerjasama dengan salah satu pusat kecemerlangan USIM iaitu Institut penyelidikan dan pengurusan Fatwa sedunia (INFAD),di mana kajian yang berkaitan perkara-perkara syubhah dapat diselesaikan bersama berpandukan Quran dari as-sunnah.Sudah tentu hasil kerjasama ini dapat memutihkan banyak perkara yang kurang jelas dalam penyediaan makanan halal selain dapat memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat majmuk. IHRAM mengadakan bengkel-bengkel yang berkaitan halal dan haram produk makanan

dimana dijalankan oleh pakar-pakar yang terdiri daripada para pensyarah USIM sendiri. program seperti ini dijalankan secara teori dan praktikal berkaitan pemprosesan makanan dari segi pengawalan kualiti dan kuantiti khasiat makanan menggunakan alatan makmal selain memberi pendekahan kepada para peserta bengkel berkaitan kawalan dan sumber makanan halal berpaduan hukum-hukum syarak. Kerjasama antara IHRAM dan agensi-agensi kerajaan atau swasta turut dipergiatkan khusus dalam analisis makmal dan pertukaran maklumat serta idea-idea yang dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti makanan halal di Malaysia.Antara agensi yang telah dan sedang menjalankan program adalah Halal Industry Development Corporation (HDC) dimana program yang dijalankan hasil usaha sama ini adalah Halal Executive Program (HEP) dimana bertujuan membuka peluang pekerjaan kepada orang awam khususnya kepada anak-anak muda yang tidak berpeluang melanjutkan pembelajaran ke pengajian, tinggi mencebur diri dalam penghasilan makanan halal khusus dalam bidang penyembelihan iaitu dalam program 'HALJOB' dengan syarikat Global Integrity Products GIPS. Mereka akan dilatih dengan pengetahuan islam dan pendekatan sains mengenai cara-cara penyembelihan haiwan yang betul selama dua bulan sebelum dihantar ke pusat-pusat penyembelihan yang terdapat di seluruh dunia.Selain dapat meningkatkan kefahaman mengenai islam mereka juga dapat menjana pendapatan diri sendiri dan keluarga disamping berperanan menghasilkan produk makanan yang halal dan tidak diragui pembuatannya. Program 'HALJOB' untuk pekerja pengendalian makanan juga sedang diusahakan.

Penglibatan selaku pengajur bersama konferens antarabangsa 'International Halal Pharmaceutical HALPHARM' bersama syarikat ASIF International, dan GIPS telah dilaksanakan Jun 2011. IHRAM juga berkerja sama dibawah 'Knowledge Transfer Programme' untuk membangunkan modul latihan farmaseutikal Halal dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan HDC. Dalam 2012, IHRAM akan menjadi pengajur bersama dengan ASIF International, GIPS dan International Halal Cosmetic Development Corporation untuk konferens HALCOS iaitu seminar antarabangsa kosmetik Halal. IHRAM bertekad untuk menjadi sumber rujukan kepada mana-mana pihak yang berminat mencebur diri dalam bidang pengurusan makanan halal dengan menjalankan kerjasama dan penyelidikan bersama universiti tempatan atau luar Negara. Perjalanan IHRAM dalam memperjuangkan kepentingan umat islam dalam konteks makanan dan produk halal pastinya bukan sekerat jalan. Sudah tentu jalannya bukan semudah yang disangka tetapi jika bertekad di samping usaha yang tidak putus apa yang dihajati pasti tercapai.

# Inovasi Kunci Kelestarian Ummah

Oleh: Khairul Azizi Elias

Dengan bertemakan "Inovasi:Kunci Ke Arah Kelestarian Ummah" Ekspo Inovasi Islam 2011 (i-Inova'11) pada kali ini menyaksikan sebanyak 95 pasukan menyertai program yang kini telah masuk tahun yang ke-dua setelah pertama kali diadakan pada tahun lalu.

Ekspo selama tiga hari bermula 14-16 Oktober 2011 anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) ini adalah berbentuk pameran dan pertandingan bagi mengenangkan produk Islam yang inovatif dari institusi pengajian tinggi (IPT) dan institut penyelidikan tempatan dan luar negara.

Tujuan utama pengajuran i-Inova ini adalah untuk memperkenalkan inovasi dalam penciptaan produk Islam disamping untuk memberi ruang, meningkatkan kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat untuk mengetahui dan memahami penggunaan dan penghasilan produk Islam terkini.

Dalam pada itu, ianya juga memberi peluang kepada para pensyarah, penyelidik dan para pelajar di IPT tempatan untuk mencungkil bakat dan potensi diri dalam pelbagai bidang. Melalui pendedahan seperti ini para pelajar di IPT berpeluang mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran yang diperolehi semasa belajar di universiti untuk mencipta inovasi demi pembangunan ummah.

i-Inova'11 kali ini mempertandingkan enam kategori yang terdiri daripada Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kejuruteraan, Alam Bina, Bioteknologi Perubatan dan Pergigian, Sains Sosial dan Kemasyarakatan serta Muamalat dan Kewangan.

Terbahagi kepada dua kategori, prasiswazah dan terbuka, i-Inova'11 menampilkan sebanyak 48 penyertaan untuk kategori terbuka dan 47 penyertaan untuk kategori prasiswazah. Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Y.Bhg Dato' Prof. Dr. Rujhan Bin Mustafa, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Menurut rujhan, pengajuran i-INOV'A'11 ini merupakan contoh terbaik di mana KPT amat menyokong penuh program inovasi di peringkat IPTA/IPTS.



# Internship Programme: The Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO)

**R**ecently this year two undergraduates students of the Faculty of Syariah and Law (FSU), Islamic Science University of Malaysia (USIM), namely Fareed bin Mohd Hassan and Hisham bin Hanapi participated in the International Law Internship and Research at The Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO) New Delhi, India.

The interns have successfully completed the internship that was held from 11 December 2010 to 5 February 2011. The interns warmly welcomed Miss Gillian Gan, from Sydney University, Australia as a member of their team during the internship. The interns have been assigned with numerous tasks by the Secretariat on a weekly basis relating to wide ranging international law subjects, inter alia, international economic law, piracy and mutual legal assistance in criminal matters. Both were able to complete the task well within the stipulated time. After the completion of the given assignments, the interns had to prepare a report of every task and submit it to the Secretary-General of AALCO for his review and scrutiny. At the end of the internship, the interns were required to prepare for a viva session before the Secretary-General AALCO and his Secretariats for the purpose of assessment of their ability, knowledge acquired and the outcome of internship.

The interns were honoured to have been given the chance to participate in AALCO formal meetings with some foreign ambassadors especially from the Middle Eastern countries. The interns were highly complemented by the ambassadors for their fresh ideas and thoughts, as well as the commendable level of proficiency in both Arabic and English languages.

In addition, the interns conducted visits to various international law organizations in New Delhi as part of their internship requirements such as the International Committee of the Red Cross (ICRC) Regional Delegation for South Asia and United Nations Office on Drugs and Crimes (UNODC).

During the course of the internship, the interns also attended a Training Programme on International Humanitarian Law (IHL), organized by AALCO in collaboration with ICRC from 17 to 21 January 2011. Despite having been actively engaged in all the tasks given, the interns made time to get to know India by visiting various historical places including Taj Mahal and India Gate.

This International Law Internship and Research at The Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO) New Delhi, India has indeed been very beneficial to the interns and the Faculty. It has set a new beginning in the Faculty's effort to get international recognition of its quality and become a stimulus for the implementation of many more similar programmes in the future.



# USIM, AKEPT Ketengah Isu Kepimpinan Islam Global

Oleh: Fauziah Hassan



Kuala Lumpur, 4 Okt – Isu kepimpinan Islam telah berjaya dikupas dengan mendalam melalui satu persidangan antarabangsa yang telah dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) pada 4 dan 5 Oktober 2011 yang lalu. Persidangan yang membincangkan pelbagai isu kepimpinan seperti kepimpinan Islam dalam persekitaran global, wanita dalam peranan kepimpinan, kepimpinan Islam di negara Islam minoriti dan sebagainya telah berjaya menarik lebih daripada 400 penyertaan dari dalam dan luar negara.

Persidangan kepimpinan Islam peringkat antarabangsa yang telah mengetengahkan barisan tokoh-tokoh kepimpinan yang terkenal antaranya Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mantan Perdana Menteri Malaysia), Dato' Syed Amin Al Jeffri (Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia), Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak (Mantan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia), Prof. Husin Mutalib (Profesor di National University of Singapore), Prof. Dato' Dr. Zaleha Kamaruddin (Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), Prof. Dr. Edy Suandi Hamid (Profesor di Universitas Islam Indonesia) dan sebagainya.

Dalam persidangan itu, mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Yang Amat Berhormat Tun Mahathir Mohamad telah menyampaikan ucap utama bertajuk "The Impact of Middle East and Northern African Crisis: A Lesson to Muslim Countries". Sesi ucap utama pada malam itu yang dihadiri kira-kira 350 peserta turut membuka ruang untuk sesi soal jawab di antara Yang Amat Berhormat Tun Mahathir dan para peserta.

Selain itu, persidangan itu juga turut menampilkan tiga lagi pembentangan khas dan dua sesi plenari yang mana telah disampaikan oleh tokoh-tokoh dalam kepimpinan Islam yang telah dijemput.

Persidangan yang diadakan di Hotel Royal Chulan Kuala Lumpur ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Ab Rahim Md Noor, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Antara tetamu kehormat lain yang hadir semasa majlis perasmian ialah Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohamad Muda serta barisan lembaga pengarah USIM, Pengarah Akademi Pengajian Tinggi Malaysia (AKEPT) iaitu Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Roziah Omar serta barisan lembaga pengarah AKEPT, dan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Zaleha Kamaruddin serta barisan lembaga pengarah UIAM.

Turut hadir ialah pegawai kanan kerajaan dari pelbagai universiti, agensi kerajaan, badan berkanun, wakil dari pihak swasta dan NGO serta barisan tertinggi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) setiap universiti tempatan.



# Permata Insan Menjana Cendekiawan Islam



**A**kademi Permata Insan merupakan sebuah akademi yang ditubuh khas di Universiti Sains Islam Malaysia dengan tujuan untuk melahirkan bakal ilmuan pemikir Islam yang agung berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Program Permata Insan merupakan kesinambungan dan perluasan daripada Program Permata Negara yang dinaungi oleh isteri Perdana Menteri, Y.A. Bhg. Datin Seri Paduka Seri Rosmah Mansor. Program ini juga telah dilancarkan secara rasminya oleh Y.A. Bhg. Datin Seri Paduka sendiri di Universiti Sains Islam (USIM) pada 12 Mac 2010.

Falsafah kewujudannya ialah berorientasikan keilmuan Islam yang berasaskan sumber asal iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Fokus utama dalam program yang dirancang di bawah akademi ini adalah pembangunan modal insan di kalangan kanak-kanak berumur lapan (8) tahun yang berkebolehan tinggi atau pintar memahami, mentafsir, menghafaz dan mengaplikasi al-Quran dan al-Sunnah dalam kehidupan serta menghubungkaitkannya dengan sains, teknologi, matematik dan sebagainya serta mampu menggunakan tradisi keilmuan Islam dan mencetuskan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi melalui kesepadan ilmu aqli dan naqli.

Dengan tertubuhnya sebuah akademi seperti ini, pastinya dapat membantu dan mempertingkatkan lagi usaha kerajaan untuk memperluaskan pendidikan kepada kanak-kanak dari awal usia dan sekaligus membantu kanak-kanak pintar ini menentukan halatuju masa depan mereka dengan lebih jelas.

Matlamat utama pembangunan kurikulum permata insan adalah untuk mencapai al-Falah (kejayaan) di dunia dan di akhirat.

lanya bersifat holistik iaitu pembangunan yang mengseimbangkan material, spiritual dan mental. Ini akan melahirkan peribadi yang sedar akan tanggungjawab dunia dan ukhrawinya. Untuk melahirkan kualiti individu yang unggul perlu ada satu perancangan yang teliti melalui pendidikan dan latihan yang utuh yang diredhai Allah SWT yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.

Dalam konteks Islam, persoalan pembangunan modal insan ternyata difokuskan kepada dua aspek utama iaitu aspek rohani dan jasmani. Ini jelas diteliti kepada pernyataan dalam al-Quran yang bermaksud:

أَمْنُوا الَّذِينَ إِلَىٰ (٥) سَافَرُوا أَسْفَلَ رَدْنَاتَهُمْ

(٤) ثُقُوْبَمْ أَحْسَنَ فِي الْإِسْلَامِ خَلْفَتَا لَهُ

(٦) مَمْتُونُ غَيْرِ أَجْزَ قَوْمَهُ الصَّابِحَاتِ وَعَمَلُوا

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. (4) Kemudian Kami kembalikan dia ke tempat yang serendah-rendahnya (neraka), (5) kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh; maka bagi mereka pahala yang tiada putus-putusnya.(6) Al-Tiin

حَتَّىٰ بَقُومٌ مَا يُغَيِّرُ لَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ أَمْرٌ مِنْ  
 يَخْظُونَهُ خَلْفَهُ وَمَنْ يَدْيِهِ بَيْنَ مِنْ مُعَقَّبَاتِ لَهُ  
 وَالَّذِي مِنْ دُونِهِ مِنْ لَهُمْ وَمَا لَهُ مَرَدٌ فَلَا سُوءًا  
 بَقُومُ اللَّهِ أَرَادَ وَإِذَا بَأْنَفَسُوهُمْ مَا يُغَيِّرُوا (١١)

Bagi manusia ada malaikat-malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran, di muka dan di belakangnya, mereka menjaganya atas perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga

mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia.(11) Al-Ra'd

Pelajar-pelajar yang terpilih akan diberikan pembelajaran bersemuka melalui perkhemahan khas yang disediakan sebanyak dua (2) kali setahun semasa cuti persekolahan. Perkhemahan pertama diadakan pada bulan Disember selama dua (2) minggu dan perkhemahan kedua pada bulan Jun selama satu (1) minggu. Pelajar akan didekah dengan berbagai kaedah pembelajaran seperti aktiviti penerokaan kendiri, lawatan, penyelidikan, bertemu tokoh, inovasi dan tugas projek. Pelajar juga disediakan dengan kemahiran meneroka ilmu seperti speed reading, mental arithmetic, pemikiran kritis, pengucapan awam dan sebagainya. Sepanjang kem, pelajar didekah dengan modul yang telah dibangunkan oleh Ahli Penyelidik bagi Modul Permata Insan (Pintar Quran dan Sunnah, Pembangunan Insan, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris) di samping lawatan sambil belajar. Aktiviti teknologi maklumat dan eksperimen turut didekahkan kepada para pelajar.

Selain acara tahunan ini, Akademi juga terlibat dengan beberapa program lain seperti seminar, bengkel dan program yang dianjurkan oleh USIM dan Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

Seramai 48 orang pelajar berumur 8 tahun dari seluruh Malaysia telah dipilih sebagai kumpulan pertama Pelajar Akademi Permata Insan. Mereka merupakan kanak-kanak yang telah berjaya melepas Ujian PERMATApintar UKM-1, Ujian PERMATApintar UKM-2 dan Ujian USIM-1. Kumpulan pertama ini telah mengikuti Kem PERMATA Insan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 11 hingga 24 Disember 2010 dan 29 Mei hingga 5 Jun 2011.

Pada 27 November hingga 9 Disember 2011, Akademi sekali lagi akan mengadakan Kem PERMATA Insan yang melibatkan pengambilan pelajar baru iaitu seramai 36 orang pelajar berumur 8 tahun dari seluruh Malaysia.

Rasulullah S.A.W bersabda;

"Setiap anak yang dilahirkan itu adalah umpama kain putih (fitrah), ibu bapalah yang bertanggungjawab mewamakan dan mencorakkannya, sama ada menjadi Yahudi, Nasrani dan Majusi."

(riwayat Bukhari dan Muslim)

# USIM Menang 6 Pingat Perak, 3 Gangsa di PECIPTA 2011

Oleh: Khairul Azizi Elias

**USIM** menang enam perak dan tiga gangsa dalam Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2011) anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UITM). PECIPTA 2011 telah diadakan selama 3 hari bermula 13 hingga 15 September bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Pingat Perak tersebut berjaya diraih menerusi 'Integrated Addiction Counselling Training Module-Revised Version' oleh Prof. Madya Dr. Abd Halim Mohd. Hussin; 'Biopreservation of Bread With Lactic Acid Bacteria' oleh Prof. Madya Dr. Zaiton Hassan; 'Mt Tarannum Iqra'Barakah' oleh Puan Anita Ismail dan 'I-Muqaddam Noor Al-Hayt' oleh Dr. Noorhayati Hashim.

Manakala dua lagi pingat perak telah berjaya dimenangi oleh Prof. Madya Datin Dr. Sapora siron menerusi E-Sohffnazz Family Stress dan E-Stress Notes.

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Norita Md. Nawawi dengan hasil penyelidikannya 'Live Digital Forensic Tool'; Puan Salhah Abdullah 'Multiple Intelligences Self-Inventory (MISI)' dan Dr. Asma Abdul Rahman menerusi 'Methods of Teaching the

Arabic Linguistic by Applying the "Method Muthla Takamullah" to Non-Arabic Speaking Students in the Universities of Malaysia' telah berjaya memperoleh gangsa.

USIM menghantar sebanyak 21 ciptaan dan inovasi yang terdiri daripada enam kategori iaitu Advance Computing And Communication, Forensic Sciences, Humanities And Quality Of Life, Green Technology And Sustainable Development, Clinical And Health Sciences dan Socio Sciences.

Antara objektif utama PECIPTA 2011 adalah untuk mempamerkan pelbagai produk, ciptaan dan inovasi daripada institusi-institusi pengajian di Malaysia dan luar negara. Ia berhasrat untuk mengatur peluang dan rangkaian untuk penyelidik dan pencipta serta memupuk inovasi di kalangan pelajar luar bandar.

Anugerah para pemenang telah disampaikan oleh Y.Bhg Prof. Dato' Dr Rujhan Mustafa, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia pada Majlis Anugerah dan Perasmian Penutup PECIPTA 2011.



# USIM Lancar GISO



**U**NIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) melancarkan Usim Global Islamic Students Outreach (GISO) pada 15 Jun yang lalu bagi mengukuhkan agenda pengantarabangsaan sejarah sasaran Bidang Keberhasilan Utama melahirkan graduan berkemahiran holistik dan berdaya saing. Memfokuskan elemen khidmat masyarakat sebagai pengisian utama, GISO memberi peluang mahasiswa melaksanakan tugas sebagai pendakwah kepada masyarakat Islam seluruh dunia.

Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Muhamad Muda, berkata kelompok sasaran GISO adalah dalam kalangan masyarakat di negara minoriti Islam dan Pertubuhan Islam Sedunia (OIC) yang hidup dalam serba kedaifan, kurang pendidikan dan perkhidmatan kesihatan. Katanya, statistik Bank Dunia menunjukkan 70 hingga 80 peratus penduduk Islam dunia hanya berpendapatan kurang AS\$2 sehari dan perkembangan itu menarik perhatian Usim, untuk tampil menyalurkan khidmat dan bantuan kepada mereka.

"Kita terpanggil untuk sama membantu, menerusi GISO, biarpun hanya sumbangan kecil, namun kita yakin suatu hari inisiatif awal ini mampu menjadi gerakan utama bagi memastikan impian masyarakat Islam dunia hidup sejahtera tercapai."

"Bermula tahun ini, kita menggabungkan semua program pengantarabangsaan

mahasiswa di bawah GISO. Setakat ini, lima program sudah dilaksanakan termasuk satu program, Mahasiswa Usim Merentas Asean 2011 yang kini berlangsung di Makati, Filipina," katanya.

Muhammad berkata demikian pada majlis perasmian GISO 2011 yang disempurnakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah di kampus Usim, Nilai. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah.

Katanya, empat lagi program GISO bakal dilaksanakan tahun ini, masing-masing di Kemboja, Vietnam, China dan Korea Selatan yang disertai kira-kira 80 mahasiswa.

Beliau menjelaskan, pihaknya menyasarkan penyertaan 300 mahasiswa dalam GISO setiap tahun bagi memastikan mereka meraih pengalaman dan cabaran dunia global.

Usim juga katanya, ada menyediakan peruntukan bagi membiayai sebahagian kos program. Namun ia bergantung kepada pengisian dengan menilai matlamat, pengisian dan impaknya kepada universiti dan mahasiswa.

"Peserta perlu bersaing mendapatkan peruntukan dari universiti. Namun pada masa sama, mahasiswa juga perlu bijak mengatur strategi untuk mendapatkan dana tambahan bagi menampung keseluruhan kos."

"Peserta disarankan sama ada berniaga atau menganjurkan apa saja pertandingan bagi tujuan itu" katanya.

Paling penting, beliau berkata, pelaksanaan program GISO mampu memberi impak signifikan, bukan saja kepada mahasiswa malah universiti.





# Sistem Pengurusan Islam Perlu Standard Yang Sesuai

Oleh: Khairul Azizi Elias



**K**arnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia (Trans-SPI 2011) anjuran Pejabat Penasihat Agama kepada YAB Perdana Menteri telah berlangsung dengan jayanya. Program dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia, Berita Harian dan Tabung Haji ini berlangsung selama tiga hari bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur bermula 30 September hingga 2 Oktober 2011 yang lalu.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abd. Razak, Perdana Menteri Malaysia dan disiarkan secara langsung menerusi RTM1. Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Satu Standard Pengurusan Islam perlu digubal untuk menjadi penanda aras dalam amalan dan perkhidmatan Islam di kalangan pentadbir hal ehwal Islam di negara ini. Menurut Perdana Menteri, perkara itu penting dalam meningkatkan fungsi pegawai hal ehwal Islam sebagai pentadbir, pengurus, pakar rujuk dan penasihat dalam bidang keagamaan.

"Para pegawai tersebut memerlukan pelbagai kemahiran bagi meningkatkan kompetensi mereka dalam bidang agama sehingga diiktiraf sebagai profesional bidang tersebut," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia peringkat kebangsaan di sini hari ini.

Pada majlis sama, Perdana Menteri turut melancarkan buku bertajuk Pendekatan Wasatiyyah Dalam Menghayati 1Malaysia yang bertujuan memberikan penerangan dan penjelasan mengenai konsep kesederhanaan dengan teras 1Malaysia yang menjadi kepentingan kerajaan ketika ini. Najib menambah, penjawat awam terutama yang berada dalam jabatan agama dan guru-guru agama seharusnya berfikiran kritis dan konstruktif bagi menunaikan tanggungjawab dengan mencari penyelesaian di luar kelaziman. Langkah itu tegas beliau, amat mustahak agar jabatan agama dan institusi yang berkaitan terus cemerlang dalam menyampaikan

perkhidmatan kepada masyarakat.

"Untuk terus kekal relevan, institusi agama khususnya perlu memberi perkhidmatan terbaik dan memperteguhkan ketamadunan masyarakat berdasarkan perancangan pembangunan umat Islam yang sistematis," katanya.

Program yang pertama kali diadakan ini bertujuan menjelaskan kepada masyarakat berhubung dasar-dasar kerajaan dalam usaha meninggikan syiar Islam di Malaysia. Program ini mengetengahkan usaha mengukuh pembangunan rohani dan jasmani Negara serta mengeratkan perpaduan masyarakat yang berbilang kaum hasil dari transformasi dalam pengurusan Islam yang telah dilaksanakan oleh kerajaan semenjak kemerdekaan hingga ke hari ini. Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia ini juga antara lain mempamerkan khazanah lama serta memaparkan transformasi Islam yang berlaku sejak dulu. Turut diadakan ialah seminar untuk membincangkan hal ehwal Islam termasuk pendidikan, sistem perbankan dan kewangan serta kebudayaan.



# Mahasiswa USIM Merentas ASEAN

**P**ENGALAMAN ditimba, bakti ditabur, ukhuwah diperkuuh. Itulah antara kata-kata yang terungkap dalam Program Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia Merentas ASEAN 2011 ke Kemboja dan Vietnam. Program anjuran Urusetia Latihan Pembangunan Mahasiswa (ULPM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM ini telah berlangsung pada 10 hingga 16 Julai 2011 lalu.

Menurut Pengarah Program Aisyah Bt Nasir, objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan sebenar mengenai aktiviti sukaralewan kemasyarakatan, memberi peluang kepada mahasiswa untuk memberi sumbangan berkesan ke arah memajukan masyarakat Islam di luar negara dari segi kerohanian, intelektual dan jasmani sekali gus memperkasa jenama USIM ke persada antarabangsa.

"Ahli ULPM USIM pada sesi tahun 2009 terdahulu telah mengadakan kajian keberkesanan aktiviti badan pelajar di beberapa universiti di Korea Selatan, dan ULPM pada sesi kali ini menukar corak objektif program kepada aktiviti pengantarabangsaan dan baktiswra kemasyarakatan dengan memilih Kemboja dan Vietnam sebagai destinasi khidmat diberi" katanya.

"Program selama tiga hari di Kemboja dan empat hari di Vietnam bagi menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti yang dirancang telah disertai seramai 24 orang pelajar dan dua orang pegawai pengiring" tambahnya lagi.

Antara beberapa program yang berlangsung di Kemboja ialah sumbangan pakaian terpakai kepada penduduk Islam di Kampung Terapung Air Tasik Tonle Sap yang merupakan penduduk bertaraf

hidup rendah dan golongan minoriti berbanding agama lain.

ULPM juga mengadakan pertemuan dua hala bersama Mufti Kemboja, Sohibus Samahah Haji Kamarudin Haji Yusof di pejabatnya di Phnom Penh seterusnya menjalankan aktiviti menulis tulisan khat dan nyanyian nasyid dalam bahasa Melayu bersama-sama dengan pelajar Sekolah Menengah Agama An Nikmah, sekolah dibawah penyeliaan Pejabat Mufti Kemboja.

Antara program yang dijalankan di Vietnam pula ialah aktiviti kemasyarakatan di Kampung Chao Phong di daerah Chao Doc seperti sumbangan 10kg beras seorang kepada 100 wakil keluarga, sukaneka bersama penduduk, pembelajaran 3M, bacaan Qiraat, amali bacaan dalam solat, serta program Be-Smart menguji menyusun huruf-huruf alphabet kepada anak-anak masyarakat Islam di sana. Menurut penduduk, ULPM juga merupakan Rombongan Malaysia yang pertama sampai ke kampung tersebut dan seterusnya merasmikan kampung Chao Phong sebagai destinasi pelancongan yang baru.

Menurut Pengurus Urusetia Latihan Pembangunan Mahasiswa USIM, Zahaby Zainuddin, program seumpama ini juga bertujuan melahirkan mahasiswa yang berkebolehan dari segala bidang dan selaras dengan moto ULPM iaitu Perintis Mahasiswa Berkualiti.

Pengalaman selama tujuh hari telah memberikan impak positif kepada ULPM, USIM dalam merencana dan memperkasa pendekatan dan program yang berbeza pada masa akan datang yang mampu menjadikan ULPM sebagai platform terbaik melahirkan mahasiswa aktif dan agresif.



# Memartabat Saintis Muda Tempatan



**U**NIVERSITI sebagai sebuah menara gading mempunyai tanggungjawab besar untuk memacu perkembangan ilmu demi kebaikan masyarakat dan negara. Bagi memastikan ilmu yang ditimba sentiasa relevan dengan perkembangan semasa, pelbagai usaha perlu digerakkan termasuk melalui penyelidikan sains dan teknologi angkasa.

Himpunan Saintis Muda Malaysia 2011 (MYSA 2011) yang dianjurkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 4 hingga 7 Julai yang lalu ini, merupakan inisiatif untuk memperkasa budaya penyelidikan saintis dan angkasa di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

MYSA 2011 menjadi medan dalam usaha menyatukan siswazah daripada pelbagai bidang sains IPT yang berazam untuk menjadi saintis terulung pada masa hadapan.

Program MYSA 2011 yang bertemakan ‘Saintis Muda Malaysia Ke Arah Pembangunan Mampan’ merupakan program kerjasama USIM dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Yayasan Angkasawan Malaysia.

Kini, bidang penyelidikan sains dan teknologi merupakan satu agenda penting dalam pengajian tinggi negara. Ia dilihat sebagai satu anjakan paradigma untuk mempergiatkan lagi usaha melahirkan saintis muda yang berkebolehan dalam prospek profesion saintis dan seterusnya merangka transformasi pembangunan akademik angkasa negara.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, KPT berusaha untuk melaksanakan projek agenda kritikal melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang menjadi asas kepada pembangunan pengajian tinggi menjelang 2020.

Usaha murni ini adalah komitmen KPT dalam menjayakan transformasi pengajian tinggi negara ke arah pembentukan dan penghasilan modal insan yang berkualiti di Malaysia. PSPTN merupakan satu anjakan ke arah mempertingkatkan

pembangunan modal insan demi memperkasakan pengajian tinggi dengan meletakan asas yang kukuh dalam meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara. Program MYSA 2011 menjadi tumpuan kepada rata-rata penyelidik saintis muda di IPT dan apa yang menarik, program kali ini buat julung kalinya mempamerkan hasil penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi angkasa.

MYSA 2011 mempamerkan program dan kertas kerja penyelidikan angkasa dan kajian yang dilakukan oleh penyelidik dari ASM dalam bidang-bidang seperti angkasa dan saintis.

Salah seorang pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Mohamad Yusrin Yahaya berkata, jika selama ini, bidang sains angkasa dilihat sebagai sampingan berbanding sains dan teknologi, MYSA 2011 dilihat membuka peluang kepada mahasiswa untuk meningkatkan kesedaran mahasiswa dalam mewujudkan jaringan kerjasama bakal saintis muda di negara ini

“Idea-idea himpunan 100 mahasiswa IPT dapat dijelmakan dalam bentuk produk seperti hasil penyelidikan bidang sains dan teknologi angkasa untuk digunakan bagi agensi kerajaan mahupun swasta menambah baik dasar-dasar mahupun polisi yang berkaitan dengan pembangunan angkasa negara. “Galakan seharusnya diberikan kepada penyelidikan bidang sains angkasa kepada mahasiswa universiti dan sebenarnya boleh digunakan dalam pembentukan dasar kerajaan,” katanya.

Himpunan MYSA 2011 mewakili 20 buah IPT untuk menjalin hubungan dengan industri termasuk melalui aktiviti padanan perniagaan. Menerusnya, kedua-dua pihak boleh berinteraksi secara terus seperti ketika sesi pembentangan. Selain itu, turut diadakan program Amazing Scientist Race dan Cruise Ride Putrajaya.



# Majlis Kalam Bitara Rai Cendekiawan USIM

Oleh: Noor Adibah Binti Mohamad



**B**ahagian Penerbitan di bawah imprim Penerbit USIM buat kali kedua telah berjaya menyerahkan hasil royalti kepada para penulis buku melalui Majlis Kalam Bitara 2011 pada 13 Julai lalu. Majlis ini bertujuan meraikan penglibatan dan sumbangan cendekiawan USIM dalam memandaikan bangsa melalui karya-karya penulisan yang dihasilkan. Majlis telah dirasmikan oleh Y.Bhg.Tan Sri Dr. Haji Mohamad Yusof Noor, Pengurus LPU dan turut dihadiri oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Haji Muhammad Muda, Naib Canselor USIM.

Seramai 100 orang penulis telah berjaya memperoleh hasil royalti daripada 52 judul buku yang diterbitkan pada tahun 2002-2009 dan 4 buah modul untuk terbitan tahun 2010. Buku yang berjaya memperoleh nilai royalti terbanyak ialah buku bertajuk "Resipi Istimewa untuk Belajar" cetakan pertama dan kedua berjumlah RM 4620.00. Ini menjadikan keseluruhan jumlah royalti yang diberikan sebanyak RM 48 858.40. Bagi menggalakkan perkembangan penerbitan oleh para pensyarah, Penerbit USIM telah mewujudkan tiga Anugerah Penerbitan sempena majlis ini. Antara anugerah yang diberikan ialah Anugerah Buku Terlaris 2010, Anugerah Penulis Prolifik dan Anugerah Penulis Harapan mengikut kategori bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Anugerah Buku Terlaris 2010 telah diberikan kepada buku Teori Kaunseling dan Psikoterapi – Edisi Kedua karya Prof. Madya Datin Dr. Hajjah Sapora Sipon bagi kategori bahasa Melayu, manakala bagi kategori bahasa Inggeris dan bahasa Arab masing-masing diberikan

kepada buku The Modern study of Religion – A Preliminary Survey on Clifford Geertz karya Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali dan buku Muhadrat Fill Aqidah Al-Islamiyah karya Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo.

Bagi Anugerah Penulis Prolifik pula dimenangi oleh Prof. Madya Datin Dr. Hajjah Sapora Sipon bagi kategori bahasa Melayu, Dr. Harison@Hanisa Mohd Sidek bagi kategori bahasa Inggeris dan Profesor Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo bagi kategori bahasa Arab. Seterusnya, Anugerah Penulis Harapan pula diberikan kepada Prof. Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif untuk kategori bahasa Melayu diikuti Mohd Rosmizi Abd. Rahman kategori bahasa Inggeris dan Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni kategori bahasa Arab.

Dalam majlis yang sama juga turut diselitkan Penyampaian Watikah Penghargaan Penyelidik USIM yang berjaya mendapat Geran Penyelidikan KPT. Sebanyak 15 geran penyelidikan telah berjaya diperoleh USIM iaitu 10 geran Penyelidikan FRGS (Fundamental Research Grant Scheme) yang berjumlah RM769,100.00 dan 5 geran Penyelidikan ERGS (Exploratory Research Grant Scheme) berjumlah RM 621,100.00. Jumlah keseluruhan geran penyelidikan yang diterima USIM ialah sebanyak RM1,390,200.00.

Syabas dan tahniah kepada semua penerima royalti dan penerima anugerah. Diharapkan pengiktirafan dan penghargaan yang diterima akan menjadi satu motivasi dan pembakar semangat untuk terus menyumbang dalam bidang penulisan di USIM ini. Semoga kerjasama erat antara penulis dan penerbit dapat dipertingkatkan pada masa akan datang dalam memartabatkan bidang penulisan dan penerbitan buku di USIM dan antarabangsa.



# 22 IPT ASEAN Berkampung Di USIM Sempena IHTIFAL IPT ASEAN 2011

Oleh: Khairul Azizi Elias



Seramai 225 peserta dari 22 Institut Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN berkampung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selama lima hari bersempena dengan Program Ihtifal Institut Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2011 pada 9 hingga 14 Oktober yang lalu.

Program dengan kerjasama Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ini adalah julung-julung kalinya diadakan dengan menghimpunkan empat acara utama iaitu Pertandingan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN, Pertandingan Tilawah al-Quran IPT ASEAN, Pertandingan Nasyid IPT ASEAN dan Persidangan Belia Islam Sedunia.

Semenjak tahun 2007, USIM telah menganjurkan sejumlah empat kali pertandingan Debat Bahasa Arab diperingkat IPT ASEAN. Untuk memperluaskan kemeriahannya dan impak pertandingan tersebut, USIM mengambil inisiatif untuk menganjurkan tiga lagi acara yang saling lengkap-melengkapnya iaitu Tilawah al-Quran, Nasyid dan Persidangan Belia Islam Sedunia dengan menghimpunkan peserta-peserta daripada IPT ASEAN.

Dengan bertemakan Belia Islam Pemangkin Transformasi Ummah, antara signifikan bagi setiap acara yang dianjurkan ini adalah untuk menonjolkan model kesenian Islam disamping menajamkan bakat para belia serta melahirkan generasi belia Islam yang memiliki elemen-elemen penting seperti kekuatan semangat dan daya juang yang tinggi, luas penguasaan ilmu serta berkeupayaan untuk memimpin anggota masyarakat dan seterusnya berperanan sebagai

pemangkin kepada agenda transformasi negara dan ummah.

Saudara Ahmad Naeim Bin Mohd @ Mat Isa dari USIM telah ditabalkan sebagai Johan bagi pertandingan Tilawah al-Quran manakala saudara Muhd Amirul Aiman Bin Haji Marzuki dari Kolej Universiti Pengurusan Ugama Seri Begawan, Brunei dan Zulfikar Kaslam dari Universitas Muhammadiyah Jakarta, Indonesia masing-masing mendapat Naib Johan dan tempat ketiga.

Bagi kategori perempuan pula, Saudari Nor Hidayah Abd Rahman dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) berjaya meraih Johan dengan pungutan markah sebanyak 90 markah. Naib johan disandang oleh saudari Mastia Lestaluhi dari Universitas Muhammadiyah Jakarta, Indonesia dan saudari Sofizah Hj Mousin dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) tempat ketiga.

Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan lagu mereka Anugerah telah ditabalkan sebagai Johan bagi pertandingan Nasyid IPT ASEAN dan pemenang Lirik Terbaik manakala USIM yang diwakili kumpulan Intracksee berjaya meraih Naib Johan dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tempat ketiga.

Pertandingan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN 2011 pada kali ini menyaksikan Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah (UINSH), Indonesia berjaya merangkul gelaran juara apabila berjaya menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tuah buat UINSH apabila pendebat mereka, saudara Ayatullah Khusaini diumumkan sebagai pendebat terbaik bagi kejohanan tersebut.

Majlis Perasmian Penutupan Ihtifal IPT ASEAN 2011 ini disempurnakan oleh Y.B. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir B. Hj. Baharom (B) Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Menurut beliau, pendedahan kepada para pelajar dalam program-program yang memerlukan interaksi dengan masyarakat penting kerana selain menimba ilmu akademik di kampus,

ia juga membolehkan mahasiswa membina hubungan baik dengan masyarakat sebaik sahaja menamatkan pengajian.

"Kehidupan mahasiswa tidak cukup hanya dengan ilmu akademik semata-mata, mereka perlu juga diberi pendedahan kehidupan sebenar di luar kampus.

"Semakin banyak pengalaman yang diperoleh, semakin tinggi nilai diri dan pasaran kerja yang bakal menanti mereka," katanya pada sidang akhbar selepas menutup Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2011 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis tersebut Y.Bhg. Datuk Haji Othman Bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM, Y.Bhg. Profesor Dr. Musa Ahmad (Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa) dan Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni).



# USIM Hulur Bantuan Kepada Pesakit Kanak-Kanak Hospital Temerloh

Oleh: Khairul Azizi Elias

**M**engambil teladan dari Pepatah Melayu yang berbunyi "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" bersempena Bulan Ramadhan Al-Mubarak dan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerusi Pejabat Naib Canselor mengorak langkah mengambil peluang keberkatan ini untuk turut berkongsi nikmat yang dikecapi bersama-sama golongan kanak-kanak di Wad Kanak-kanak (Wad Melor 1 dan Wad Melor 2) Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh, Pahang pada 16 Ogos yang lalu.

Sumbangan berbentuk hamper ini merupakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) USIM kepada masyarakat dan telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM kepada 60 orang pesakit kanak-kanak yang menerima rawatan di hospital tersebut.

USIM sebagai sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam telah menggariskan objektif utama program ini iaitu untuk membina ikatan persaudaraan Islam yang kental di kalangan saudara semuslim dengan saling ziarah-menziarahi serta menghulurkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan.

Berbekalkan iman dan ilmu serta amal jariah yang dilaksanakan, program ini akan membawa kepada peningkatan amal umat Islam di dunia dan akhirat dalam menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT.



# Ejen Berita Hep Warnai Berita Kampus USIM



Oleh: Wanza Mohamad

Unit Kebudayaan (UK) Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berjaya meneruskan kelangsungan aktivitinya dalam memberi pendedahan kepada mahasiswa USIM melalui pengajuran Bengkel Penyiarian Media Lanjutan 2011 yang telah diadakan pada 2 hingga 3 November bertempat di Studio Latihan Seni, Unit Kebudayaan BHEP baru-baru ini. Melalui penyertaan seramai 35 orang peserta, bengkel ini bertepatan dengan objektif Projek Kecemerlangan Mahasiswa iaitu ke arah memperkasakan nilai tambah melalui elemen pembangunan kemahiran insaniah mahasiswa USIM.

Meneruskan kelangsungan aktiviti terdahulu melalui pengajuran Bengkel Penyiarian Media 1 pada Mei 2011, bengkel kali ini juga dilaksanakan melalui kolaborasi pintar bersama media cetak dan elektronik seperti Utusan Malaysia, TV3 dan pegawai sukan USIM merangkap Penyelaras Media KPT. Selain itu, bengkel ini juga dilihat sejajar dengan USIM KRA 1 iaitu ke arah membentuk dan melahirkan graduan holistik dan berdaya gaji tinggi.

Menurut Encik Nasrul Hakim Ahmad, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM dalam ucapan perasmianya, beliau melihat potensi dan keberkesanannya bengkel ini dalam melatih pelajar supaya berupaya menghasilkan hasil penulisan yang dapat disalurkan

kepada media cetak dan elektronik. Langkah progresif ini adalah sebagai inisiatif BHEP untuk membuat hebat dan juga mengadakan promosi aktiviti mahasiswa yang dijalankan di kampus. "Kita memerlukan promosi dan publisiti yang meluas untuk membina imej yang sihat dan baik di samping mengubah persepsi lama dengan melihat bahawa melalui penglibatan pelajar dalam bengkel ini diharap dapat menjadi satu platform membina softskills mahasiswa USIM. Universiti berhasrat melahirkan generasi mahasiswa yang bukan sahaja mengikuti pembelajaran dalam bilik kulliah semata-mata tetapi pro aktif mencebur ke bidang-bidang luar sebagai tambahan kepada pembelajaran sedia ada," tambah beliau.

Antara pengisian yang diketengahkan sepanjang bengkel ini berlangsung adalah slot Penyiarian Media Elektronik dan Teknik-Teknik Wawancara yang telah disampaikan oleh Encik Ahmad Fedri Yahya, Personaliti dan juga Penerbit Malaysia Hari Ini (TV3) dan slot Penulisan Penyiarian Media Cetak dan Teknik Penulisan Berita dan Rencana yang dibentang oleh Encik Mohd Saiful Mohd Sahak, wartawan kanan Utusan Malaysia. Slot Pengurusan Media pada hari kedua pula telah dikendalikan oleh Encik Nur Ekmal Buhary, Pegawai Belia dan Sukan, Pusat Sukan USIM merangkap Penyelaras Media di Bahagian Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi.

Melalui slot Latihan Dalam Kumpulan (LDK), para peserta juga telah ditugaskan untuk membuat tugas kerja lapangan. Para peserta diberi tempoh masa tertentu untuk membuat liputan berita di luar kawasan kampus sebelum sesi pembentangan kerja kumpulan diadakan. Antara objektif utama bengkel lanjutan ini direalisasikan adalah untuk membentuk imej pelajar yang berketrampilan, membina keyakinan diri dengan pembinaan kualiti kepimpinan di samping meningkatkan kemahiran penulisan berita atau write up untuk media cetak dan elektronik. Bengkel ini juga bertujuan untuk menyelaras penyiaran program-program di peringkat Hal Ehwal Pelajar yang akan dipimpin oleh para peserta yang akan dipilih menjadi Ejen Berita HEP. Ejen Berita ini akan diselaras oleh Editor Utama yang akan dipimpin oleh pegawai Unit Kebudayaan USIM.

Menurut Encik Ismail Ahmed, Pegawai Kebudayaan USIM, idea menubuhkan kumpulan Ejen Berita ini bertepatan dengan lapan fungsi utama Unit Kebudayaan iaitu Perhubungan Media BHEP. Dalam sesi talklimat ringkas tentang hala tuju Ejen Berita HEP, beliau membentangkan empat agenda pendekatan yang akan ditekankan melalui penubuhan Ejen Berita iaitu meningkatkan kemahiran penyediaan bahan penulisan, melengkapkan peralatan perhubungan media, menyelaras bahan siaran sama ada media cetak atau media elektronik dan juga membina jaringan kerja secara kolektif menerusi penubuhan website Ejen Berita HEP. Keseluruhannya tambah beliau lagi, Bengkel Media Lanjutan kali ini telah berjaya mencapai sasaran bagi memilih dan melantik seramai 20 Ejen Berita HEP yang terbaik dan berdedikasi tinggi dalam kumpulan tersebut.

# Penerbitan USIM 2011

Oleh: Noor Adibah Binti Mohamad


**MADKHAL ILA ILMIL KALAM - TAMHID WA MANHAJ | RM35.00**  
**ISBN 978-967-5295-79-9**  
**2011**

Buku ini membincangkan tentang kemunculan dan perkembangan aliran-aliran ilmu kalam atau biasa disebut sebagai aliran teologi Islam. Ilmu kalam disebut juga ilmu usuluddin dan ilmu ini membicarakan tentang wujud Tuhan (Allah, sifat-sifat Tuhan yang mesti ada pada-Nya, sifat-sifat yang tidak ada pada-Nya dan sifat yang mungkin ada pada-Nya dan membicarakan tentang rasul-rasul Tuhan, untuk menetapkan kerasulannya dan mengetahui sifat-sifat yang mesti ada padanya dan sifat-sifat yang mungkin terdapat padanya. Dalam mengkaji dan membahas materi ilmu kalam ini terdapat berbagai macam cara memahaminya di kalangan umat Islam. Dan pemahaman yang lahir dari suatu cara memahami materi ilmu kalam ini dalam bahasa Arab dikenali dengan istilah: (firqa) yang jamaknya (firaq). Firaq dalam bahasa Melayu disebut aliran, dan aliran-aliran dalam ilmu kalam dalam bahasa Arab dinamakan : al-firaq al-Islamiyah. Oleh karena itu penulis menamakan tajuk buku ini dengan nama NASY'AT AL-FIRAQ AL-ISLAMIYAH WA TATHAWWURUHU. Adapun aliran-aliran yang terdapat dalam pembahasan buku ini adalah: aliran-aliran Syi'ah (Zaidiyah, Imamiyah, Isma'iliah), Sunni (Asy'ariah, Maturidiyah), Ibadhiyah, Mu'tazila, Dhahiriyyah.




**LABORATORY MANUAL CHEMISTRY II (TMS 0434) | RM15.00**  
**Siti Rubaini Mat | Latipah Mohd Noor**  
**ISBN 978-967-5295-96-6**  
**2011**

This Laboratory Manual is a text book for the Tamhidi Programme of Medicine, Dentistry and Science and Technology of the Tamhidi Centre, USIM which whom undergoing the core subject TMS 0434 Chemistry II. There are five experiments carefully selected, which is arranged accordingly correlated to the syllabus of chemistry for foundation studies. The main objectives of the laboratory practices are to provide better understanding of the concepts of chemistry discussed in the lectures and tutorial sessions. During this semester, students will be exposed to the concepts of thermodynamics, reaction rates, electrochemistry and organic chemistry.



**TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA (TITAS) | RM22.00**  
**Mashitah Sulaiman | Adibah Suleiman @ Muhamad**  
**ISBN 978-967-5295-93-5**  
**2011**

Buku ini merupakan sebuah teks rujukan dalam ilmu ketamadunan bagi pelajar yang mengikuti kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Tujuannya untuk memberi kefahaman yang holistik kepada pelajar tentang ilmu, konsep, ciri dan aspek utama pengajian ketamadunan dalam proses pembinaan Tamadun Malaysia. Buku ini secara umumnya mengupas secara komprehensif pengajian ilmu ketamadunan dan isu-isu semasa ketamadunan manusia sejagat.



**HUBUNGAN ETNIK EDISI LENGKAP | RM20.00**  
**Latifah Abdul Latiff | Mohd Azmir Mohd Nizah | Paimah Atoma**  
**ISBN : 978-967-5295-89-8**  
**2011**

Hubungan Etnik adalah buku rujukan yang memaparkan latar belakang dan corak hubungan etnik di Malaysia. Huraian tentang konsep masyarakat, budaya dan etnisiti dimuatkan pada bahagian awal buku ini bertujuan memudahkan pelajar memahami dan menghubungkaitkannya dengan situasi semasa masyarakat Malaysia. Perkembangan politik, ekonomi dan sosial serta peranan Perlembagaan Malaysia yang dibincangkan adalah dalam konteks hubungan etnik. Kepentingan memahami dan menghayati gagasan konsep 1Malaysia juga diberikan penekanan kerana latar belakang etnik yang berbeza tidak boleh dijadikan penghalang kepada rakyat untuk hidup dalam aman dan damai, sebaliknya perlu sama-sama menghadapi cabaran global serta terus berusaha membangunkan dan memajukan negara tercinta ini.

